

# Peniaga dijamin mendapat keuntungan Kerajaan akan kawal harga Proton Saga

**KUALA LUMPUR, Jumaat**  
— Harga Proton Saga seperti harga lain kereta pemasangan tempatan, akan dikawal oleh kerajaan bagi menjamin para peniaga kereta menikmati keuntungan berpatutan.

Selain itu, langkah-langkah sesuai juga terus dipertimbangkan supaya mereka tidak terjejas berikutan pelaksanaan projek kereta nasional itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Selaras dengan itu, beliau menggesa pengedar bersamasama berusaha memasarkan kereta nasional seperti yang telah dilakukan bagi jenis dan

model kereta yang dibekalkan oleh pengeluar asing.

Beliau berkata, adalah perlu bagi peniaga memaklumkan pihak pengeluar masing-masing supaya tidak membekalkan model-model yang tidak bersaing dengan Proton Saga yang pasarannya kini ialah 30 peratus daripada jumlah pasaran kereta penumpang.

## Perniagaan

Berucap di majlis makan Persatuan Peniaga-peniaga Kenderaan Malaysia, (MMTA) di sini, Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi ucapannya di majlis pelancaran Proton Saga Selasa lalu bahawa hasrat kerajaan memasuki bidang pembuatan kereta tidak

berniat menghancurkan peniaga-peniaga sedia ada tetapi mengembangkan lagi perniagaan itu.

"Kedudukan peniaga kereta tidak terancam dengan pelancaran Proton Saga jika dapat membuat penyesuaian yang diperlukan. Kedudukan terpujang kepada keputusan masing-masing sama ada menghadapinya secara positif atau negatif," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyesuaian memang menjadi amalan bagi para peniaga yang pintar sambil menyebut contoh bahawa "kita tidak boleh bergantung kepada penjualan radio apabila zaman televisyen muncul atau menjual penyapu lidi kelapa di zaman *vacuum cleaner*."

Tambahnya, Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd, (EON) telah menyatakan bahawa pemegang-pemegang franchise yang mengedarkan kereta yang dibekal oleh pihak prinsipal akan diberi peluang menjadi pengedar Proton Saga.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ahli-ahli MMTA yang ingin mengekalkan tradisi perniagaan sekarang masih berpeluang menjual jenis dan model kereta "tetapi adalah perlu di kalangan ahli-ahli memaklumkan pihak prinsipal masing-masing supaya membekalkan model-model yang tidak bersaing dengan Proton Saga," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, pengedar Proton Saga akan menikmati keuntungan margin yang sama malahan lebih tinggi jika cekap dan dapat meningkatkan bilangan kereta nasional yang dijual.

"Ini disebabkan kerajaan akan mengamalkan sistem pengawalan harga seperti lain-lain kereta pemsangan tempatan," jelas beliau.

### Dialog

Kerajaan dalam menggubal dasar-dasar negara, katanya tidak akan melupakan para peniaga dan pengusaha kerana mereka adalah sebahagian daripada masyarakat.

Kepentingan ekonomi negara jangka panjang, tegas beliau, tidak semestinya mengeneipkan satu sektor atau kumpulan kecil, kerana kerugian yang dialami mereka juga dirasakan oleh negara.

"Oleh itu, kerajaan akan menimbangkan langkah-langkah yang sesuai dalam pelaksanaan projek kereta nasional supaya

keadaan terjejas para peniaga kereta dapat dikurangkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kesediaan Kerajaan mengadakan perbincangan seperti dialog belanjawan membuktikan perniagaan mereka mendapat perhatian sewajarnya daripada kerajaan.

Beliau menyeru para pengedar dan peniaga sentiasa membantu Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd, (Proton) dan Eon dengan memberikan pandangan yang membina seperti strategi jualan, penerimaan pasaran, rupa bentuk kereta di masa akan datang dan kesesuaian daripada segi harga.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahukan ahli-ahli MMTA mempelbagaikan aktiviti perniagaan daripada semata-mata menjadi pengedar dan penjual kereta kepada pengeluaran komponen kerana kerajaan telah menge-nalpasti komponen untuk Proton Saga di bawah rancangan kandungan tempatan.